

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) E-INVOIS

CYBERJAYA, 7 JULAI 2026 – Selaras dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam Persidangan Dewan Rakyat pada hari ini berhubung ikhtiar tambahan bagi membantu mengurangkan kos pematuhan pembayar cukai, khususnya melibatkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) e-Invois mula berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2027 adalah ditawarkan kepada pembayar cukai yang berikut:

- a. Pembayar cukai telah melaksanakan e-Invois mengikut garis masa yang ditetapkan tetapi tidak mengemukakan e-Invois sepenuhnya bagi transaksi tertentu;
- b. Pembayar cukai telah mengemukakan e-Invois tetapi terdapat kesilapan atau maklumat yang tidak mematuhi spesifikasi dan syarat yang ditetapkan; dan
- c. Pembayar cukai tidak mengemukakan e-Invois bagi mana-mana tempoh bermula daripada tarikh pelaksanaan mandatori e-Invois.

Pembayar cukai perlu memastikan pengakuan sukarela yang dibuat melalui pengemukaan e-Invois adalah betul dan teratur mengikut Garis Panduan Umum dan Garis Panduan Spesifik e-Invois.

Inisiatif yang diperkenalkan ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela dengan mengemas kini maklumat serta membuat semakan dan pembetulan terhadap keperluan pengeluaran e-Invois tanpa dikenakan sebarang penalti bagi menyokong aspirasi pendigitalan dalam operasi perniagaan.

Sebagai tanda penghargaan dan galakan kepada pembayar cukai yang mematuhi sepenuhnya pelaksanaan e-Invois, kerajaan bersetuju untuk mempercepat pemberian insentif cukai dengan membenarkan tuntutan penuh elaun modal dalam tempoh satu (1) tahun bagi perbelanjaan pemerolehan kelengkapan teknologi maklumat (ICT) serta kos pembangunan atau pengubahsuaian perisian komputer yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan e-Invois.

Pembayar cukai boleh menghubungi HASiL melalui saluran khas e-Invois seperti berikut untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat selanjutnya:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 7 Julai 2026